



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PENGGUNAAN LAMAN SOSIAL KE ATAS KADEAH
PEMBELAJARAN KENDIRI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

NOOR AMY AFIZA BINTI MOHD YUSOF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada6.....(hari bulan) FEBRUARI(bulan) 2014....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NOOR AMY AFIDA BINTI MOHD YUSOF, M26102000839 FPPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN LAMAN SOSIAL KE ATAS KABDAH PEMBELAJARAN KENDIRI DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DI UPSI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

(SLA NYATAKAN NAMA
IJAZAH).

6/2/2015

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, dengan izinNya Laporan Projek untuk Sarjana Pendidikan (Teknologi Instruksional) ini telah berjaya disiapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Prof. Madya Dato' Dr. Hj. Abdul Latif bin Hj. Gapor selaku penyelia yang bertindak sebagai tulang belakang kepada penghasilan laporan projek ini. Segala ilmu, nasihat, keprihatinan, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan amat bermakna kepada saya.

Penghargaan seterusnya didedikasikan kepada responden yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar pra-siswazah dan pasca-siswazah daripada 9 buah bidang pengajian yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim.

Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih kepada suami tercinta, En. Azli bin Ariffin di atas sokongan, semangat, kesabaran dan pengorbanan yang telah diberikan. Juga buat anak-anak tersayang Shahreez Azran, Muhammad Miqhael dan Putera Daiyan Imdad yang sentiasa menjadi sumber inspirasi dalam menjayakan laporan ini, jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat kalian.

Terima kasih juga ditujukan khas buat kedua ibu bapa tersayang, Tn. Hj. Mohd Yusof bin Yahaya dan Pn. Hjh. Zainon binti Ahmad serta ibu mertua, Ainun binti Md Zin di atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan. Tidak dilupakan adik-beradik dan seluruh ahli keluarga yang banyak membantu serta memberi sokongan dan dorongan yang berterusan selama ini. Terima kasih Noor Amy Afifi, NoorAmy Aida dan Muhammad Amy Aimam.

Akhir sekali saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan laporan projek ini. Sekian.



05-



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBSainun



ptbupsi

v

ABSTRAK

KESAN PENGGUNAAN LAMAN SOSIAL KE ATAS PEMBELAJARAN KENDIRI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UPSI

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan laman sosial ke atas kaedah pembelajaran kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini melibatkan 270 orang responden yang terdiri daripada para pelajar peringkat pra-siswazah dan pasca-siswazah bagi sembilan buah bidang pengajian yang ditawarkan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang mengukur latar belakang responden meliputi peringkat pengajian, tahun pengajian dan bidang pengajian. Turut diukur sejauh mana laman sosial digunakan untuk pembelajaran kendiri dan apakah kesan terhadap penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih berminat melayari laman sosial facebook berbanding laman sosial lain. Namun, ianya bukan untuk tujuan pembelajaran kendiri. Dapatkan menunjukkan 45.5% pelajar tidak pasti tentang penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri. Namun begitu kesedaran tentang kesan-kesan positif yang boleh diterima dengan menggunakan laman sosial sebagai kaedah pembelajaran kendiri bagi memantapkan lagi proses P&P jelas apabila 72.7% pelajar bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBSainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBSainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

SOCIAL NETWORK IMPACT ON SELF LEARNING IN TEACHING AND LEARNING IN UPSI

This study aims to identify effect of social network usage on the self-learning method in teaching and learning at Sultan Idris Education University. The study involved 270 respondents consisting of students in the pre-graduate and post-graduate levels from nine fields of study offered. Assessment instrument used is questionnaire which measures respondent's background includes level of study, years of study and field of study. Also measured the extent to which social pages used for self-learning and effect received when using social network for self-learning in learning process. The results of the study showed that students always visit Facebook more than other social sites. But, it is not for the purpose of self-learning. Analyzed data showed that 45.5% students not sure about using social sites for self-learning. But they realize the positive effect that they will received when use social sites for self-learning to improve P&P when 72.7% respondent agreed with all the statements provided.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv



BAB I PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Signifikan Kajian	11
1.7	Skop dan Batasan Kajian	13
1.8	Kerangka Kajian	14



**1.9 Definisi Operational**

1.9.1 Laman Sosial	15
1.9.2 Pembelajaran Kendiri	15
1.9.3 Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)	16
1.10 Kesimpulan	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	17
2.2 Sorotan Kajian	
2.2.1 Laman Sosial	18
2.2.2 Penggunaan Laman Sosial Dalam P&P	30
2.2.3 Pembelajaran Kendiri	36
2.2.4 Pembelajaran Kendiri Dalam P&P	42
2.3 Teori Pembelajaran	48
2.3.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	50
2.3.2 Teori Difusi Inovasi	53
2.4 Model Pembelajaran Kendiri	57
2.4.1 Hipermedia	58
2.4.2 Pembelajaran Berasakan Masalah	64
2.4.3 Pembelajaran Berasakan Inkuiiri	70
2.5 Kesimpulan	79



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	80
3.2	Pengukuran Pemboleh Ubah	81
3.3	Pengumpulan Data	81
3.4	Pensampelan	83
3.5	Instrumen Kajian	87
3.6	Kajian Rintis	90
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	92
3.8	Teknik Analisis Data	94
3.9	Kesimpulan	95

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	96
4.2	Analisis Data	96
4.2.1	Laman Sosial Yang Paling Banyak Digunakan Oleh Pelajar UPSI (Keseluruhan)	97
4.2.2	Laman Sosial Yang Paling Banyak Digunakan Oleh Pelajar UPSI Mengikut Peringkat Pengajian	106
4.2.3	Laman Sosial Yang Paling Banyak Digunakan Oleh Pelajar UPSI Mengikut Bidang Pengajian	109
4.2.4	Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran Kendiri Dalam P&P (Keseluruhan)	115





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

4.2.5 Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran	117
Kendiri Dalam P&P Mengikut Peringkat Pengajian	
4.2.6 Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran	127
Kendiri Dalam P&P Mengikut Bidang Pengajian	
4.2.7 Kesan Penggunaan Laman Sosial Ke Atas	157
Pembelajaran Kendiri Dalam P&P (Keseluruhan)	
4.2.8 Kesan Penggunaan Laman Sosial Ke Atas	164
Pembelajaran Kendiri Dalam P&P Mengikut	
Peringkat Pengajian	
4.2.9 Kesan Penggunaan Laman Sosial Ke Atas	175
Pembelajaran Kendiri Dalam P&P Mengikut	
4.3 Kesimpulan	205



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	206
5.2 Perbincangan	206
5.2.1 Perbincangan Laman Sosial Yang Paling	207
Kerap Dilayari	
5.2.2 Perbincangan Pembelajaran Kendiri	209
Menggunakan Laman Sosial	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.2.3 Perbincangan Kesan Penggunaan Laman Sosial	213
Ke Atas Pembelajaran Kendiri	
5.3 Cadangan	217
5.4 Kesimpulan	218
RUJUKAN	219
LAMPIRAN	230
Lampiran A : Soal Selidik	
Lampiran B : Output SPSS	

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
--------	------------

3.1	Jumlah Responden Bagi Kajian Rintis	85
3.2	Jumlah Responden Bagi Kajian Sebenar	86
3.3	Pecahan Bahagian Soal Selidik	88
3.4	Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen	92
4.1	Pengetahuan Mengenai Laman Sosial	97
4.2	Laman Sosial Yang Kerap Dilayari	98
4.3	Akses Laman Sosial Menggunakan Telefon Pintar	99
4.4	Penerimaan Informasi Daripada Laman Sosial	100
4.5	Masa Melayari Laman Sosial	101
4.6	Kelewatan Menghantar Tugasan	102
4.7	Kekerapan Penggunaan Laman Sosial Untuk Pembelajaran	103
4.8	Pelajar Mendapat Pengetahuan Melalui Media Sosial Berbanding Kelas	104
4.9	Nilai Persahatan Dalam Laman Sosial	105
4.10	Laman Sosial Yang Paling Kerap Dilawati Mengikut Peringkat Pengajian	107
4.11	Laman Sosial Yang Paling Kerap Dilawati Oleh Responden Mengikut Bidang Pengajian	110



4.12	Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran Kendiri	115
4.13	Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran Kendiri Dalam P&P Mengikut Peringkat Pengajian	118
4.14	Analisis Item C13 Mengikut Bidang Pengajian	128
4.15	Analisis Item C24 Mengikut Bidang Pengajian	131
4.16	Analisis Item C25 Mengikut Bidang Pengajian	133
4.17	Analisis Item C26 Mengikut Bidang Pengajian	135
4.18	Analisis Item C27 Mengikut Bidang Pengajian	138
4.19	Analisis Item C28 Mengikut Bidang Pengajian	140
4.20	Analisis Item C29 Mengikut Bidang Pengajian	143
4.21	Analisis Item C30 Mengikut Bidang Pengajian	146
4.22	Analisis Item C31 Mengikut Bidang Pengajian	149
4.23	Analisis Item C32 Mengikut Bidang Pengajian	152
4.24	Analisis Item C33 Mengikut Bidang Pengajian	154
4.25	Kesan Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran Kendiri	158
4.26	Kesan Penggunaan Laman Sosial Ke Atas Pembelajaran Kendiri Dalam P&P Mengikut Peringkat Pengajian	165
4.27	Analisis Item C14 Mengikut Bidang Pengajian	177
4.28	Analisis Item C15 Mengikut Bidang Pengajian	180
4.29	Analisis Item C16 Mengikut Bidang Pengajian	182
4.30	Analisis Item C17 Mengikut Bidang Pengajian	185
4.31	Analisis Item C18 Mengikut Bidang Pengajian	187





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.32	Analisis Item C19 Mengikut Bidang Pengajian	190
4.33	Analisis Item C20 Mengikut Bidang Pengajian	192
4.34	Analisis Item C21 Mengikut Bidang Pengajian	195
4.35	Analisis Item C22 Mengikut Bidang Pengajian	197
4.36	Analisis Item C23 Mengikut Bidang Pengajian	200
4.37	Analisis Item C34 Mengikut Bidang Pengajian	202



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Populasi Pengguna Internet	4
1.2 Tujuan Penggunaan Internet	6
1.3 Kerangka Kajian	14
4.1 Carta Laman Sosial Yang Paling Kerap Dilawati Mengikut Peringkat Pengajian	108
4.2 Carta Laman Sosial Yang Paling Kerap Dilawati Oleh Responden Mengikut Bidang Pengajian	115



SENARAI RINGKASAN

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
WWW	World Wide Web
IRC	Internet Relay Chat
FTP	File Transfer Protocol
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SNS	Social Networking Sites
FBI	Federal Bureau of Investigation
UGC	User Generated Content
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
ICT	Information Communication Technology
SMS	Simple Message System
SDL	Self-Directed Learning
CFT	Cognitive Flexibility Theory
PBL	Problem-Based Learning
SPSS	Statistical Package For The Social Science





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Penyelidikan memerlukan bab pengenalan kajian bagi menerangkan dengan lebih terperinci tentang kajian yang bakal dijalankan. Tanpa penerangan ini, para pembaca tidak dapat memahami apakah tujuan kajian ini dijalankan. Apabila pembaca sudah mendapat gambaran tentang kajian yang dijalankan, barulah kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa akan datang.

Bab ini menjelaskan kajian mengenai kesan penggunaan laman sosial ke atas kaedah pembelajaran kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini telah dijalankan di UPSI, Tanjung Malim, Perak. Tajuk yang dibincangkan dalam bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, signifikan kajian, skop dan batasan kajian, kerangka kajian, hipotesis, reka bentuk kajian, definisi operasional dan rumusan bab.





1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Sperling (1997) *internetworking* atau *internet* bermaksud komunikasi antara rangkaian. Ia merupakan rangkaian antara komputer yang terbesar di dunia di mana iaanya membenarkan komunikasi antara individu dan dunia sejagat. Internet bukan komputer tetapi komputer hanyalah bertindak sebagai saluran komunikasi. Pada masa sekarang, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menikmati arus pembangunan yang berdasarkan komputer ini. Pendidikan di Malaysia mula menggabungkan aspek teknologi dalam kurikulum sekolah dan institusi sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan teknologi. Selain itu, penggunaan dan perkembangan internet yang meluas juga memudahkan pelaksanaannya dalam bidang



pendidikan. Peranan dan penggunaan internet telah mula dikenalpasti dapat membantu

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi

pendidikan dalam sistem pendidikan negara khususnya dalam pelaksanaan proses P&P di dalam dan luar bilik darjah yang secara langsung melibatkan para pendidik, pelajar dan ibu bapa serta ahli masyarakat yang prihatin.

Internet adalah merupakan satu sumber maklumat yang luas, murah, cepat dan cekap. Ciri-ciri ini telah menjadikan internet sebagai satu sumber pendidikan yang berpotensi tinggi. Ciri-ciri internet juga bercorak sejagat iaitu komunikasi antara individu dan dunia sejagat dan jalinan serangkaian komputer yang berselerak. Selain itu juga, internet turut mempunyai ciri komunikasi dua hala yang membolehkan pertukaran maklumat berlaku dengan segera dan tanpa sempadan. Ciri-ciri komunikasi yang ada



pada internet menawarkan satu suasana pembelajaran yang berbentuk multi dimensi (Sharani et. al. 2005).


Pendedahan internet di sekolah akan membolehkan fleksibiliti dan kepelbagaiannya dibina dalam sistem pendidikan (KPM, 1997). Peluang pembelajaran melalui internet lebih bersifat terbuka dan luas kerana ia tidak tertakluk kepada lokasi tertentu, sebaliknya ia meliputi seluruh dunia. Secara tidak langsung ia juga menjurus kepada kelompok sasarannya sendiri seperti pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

Internet telah menyediakan beberapa kemudahan, antaranya ialah *E-mail* (Mel Eletronik), Laman Web (WWW), *Internet Relay Chat* (IRC), Telnet, Kumpulan Diskusi dan Berita, *File Transfer Protocol* (FTP) dan laman sosial. Semua kemudahan ini boleh dimanfaatkan dalam proses P&P.

Laman sosial merupakan medium perhubungan yang sering digunakan pada masa kini untuk berhubung dengan individu lain tidak mengira masa, ruang dan tempat. Malahan melalui laman sosial, perhubungan menjadi lebih dekat dan akrab. Banyak perkongsian yang dapat dilakukan menerusi laman sosial termasuk perkongsian ilmu. Ini kerana apabila menggunakan laman sosial untuk sesuatu perkara, ianya bersifat lebih terbuka dan senang untuk dibincangkan berbanding menggunakan sistem pesanan ringkas atau melalui perbualan telefon (Sharani et. al. 2005).



Berdasarkan Laporan Ekonomi 2013/2014 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 25 Oktober 2013 dalam bajet 2014, bilangan pengguna internet di Malaysia dijangka meningkat kepada 25 juta orang menjelang 2015 berbanding 18 juta orang pada 2012. Ini menunjukkan setiap hari semakin bertambah bilangan penduduk Malaysia yang menggunakan internet dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini tidak terkecuali para pelajar yang menggunakan laman sosial bagi tujuan P&P. Menurut laporan berkenaan lagi, kadar penembusan jalur lebar isi rumah pula telah meningkat kepada 66.8 peratus pada akhir Jun 2013 manakala kadar penembusan telefon mudah alih pula melebihi 100 peratus, yakni kini terdapat 42.6 juta langganan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013).



Rajah 1.1 : Populasi pengguna Internet

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2013)





Daripada rajah di atas, dapat dilihat bahawa kadar penembusan internet di Malaysia ialah 64.7 peratus yang mewakili 16.9 juta pengguna internet di Malaysia. Jelas dapat dilihat, *Facebook* merupakan laman sosial yang paling popular dan digemari oleh pengguna internet di Malaysia. Ini kerana, pengguna *Facebook* memberi bilangan pengguna yang lebih iaitu 11.5 juta pengguna berbanding laman sosial yang lain.

Selain daripada *Facebook*, laman sosial yang sering digunakan oleh pelayar internet di Malaysia ialah *Blogspot*, *WordPress*, *Twitter* dan *Metacafe*. Bagi penggunaan media atas talian pula, MalaysiaKini mendahului dengan lebih daripada 50 juta paparan pada setiap bulan diikuti oleh *The Star Online* dengan 34 juta paparan setiap bulan.




drastiknya apabila lebih banyak kawasan baru yang dibekalkan dengan jaringan jalur lebar berkelajuan tinggi, jalur lebar tanpa wayar dan sebagainya. Ini ditambah pula dengan adanya organisasi yang mula memberikan perhatian serius terhadap penggunaan laman sosial dan internet.





1.3 PERNYATAAN MASALAH

Nielsen dalam kajiannya menyatakan bahawa peningkatan penggunaan internet ialah 41 peratus bersamaan dengan 22.4 jam masa yang digunakan untuk melayari internet. Manakala 71 peratus daripada masa ini adalah bagi membuka laman sosial khususnya *Facebook*. Gambar rajah di bawah menerangkan dalam bentuk yang lebih jelas dan ringkas (Berita Harian, 2013).



Rajah 1.2 : Tujuan Penggunaan Internet

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2013)

Kenyataan di atas turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Suruhajaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Tujuan kebanyakan daripada penggunaan internet iaitu 81.5 peratus adalah bagi tujuan rangkaian sosial. Ini dapat disimpulkan bahawa tujuan utama pengguna internet adalah untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara. Mereka berkomunikasi melalui teks dan meluangkan masa yang tinggi dalam laman sosial.





Pengguna *Facebook* di Malaysia mencecah angka 12 juta pengguna. Begitu juga dengan laman sosial yang lain. Namun begitu, perbincangan atau komunikasi mereka hanya berbentuk sosial sahaja seperti perbualan sehari-hari, bertanya khabar dan mengembangkan perniagaan. Masih kurang penggunaan laman sosial bagi tujuan pembelajaran.

Kaedah P&P dengan menggunakan pendekatan pembelajaran kendiri merupakan salah satu kaedah yang biasa digunakan oleh pendidik. Hal ini kerana ia dapat menggalakkan pelajar untuk mencari maklumat sendiri tanpa perlu menunggu informasi daripada sesiapa. Ini menggalakkan pelajar untuk bersikap lebih berdikari bagi mendapatkan sesuatu. Namun begitu, pembelajaran kendiri gagal berfungsi dengan sebaiknya. Ini kerana sikap pelajar kita yang telah terbiasa dengan sikap ‘disuap’ dengan informasi sejak di bangku tadika lagi. Oleh yang demikian, mereka lebih gemar mengambil sikap menunggu sahaja informasi berbanding mencari sendiri. Berlainan pula halnya apabila sesuatu isu itu tidak berkaitan dengan pendidikan seperti politik, ekonomi dan sosial. Mereka dengan pantas akan mencari informasi apabila terdengar tentang sesuatu isu (Saharani et. al 2005).

Dapat dilihat penggunaan laman sosial bagi tujuan selain pendidikan amat memberangsangkan. Jadi, pihak bertanggungjawab perlu menggunakan platform laman sosial ini bagi menyalurkan informasi secara tidak langsung sama seperti mereka berbual dengan rakan-rakan bercerita tentang perihal masing-masing. Bagi menjadikan ianya satu





realiti sememangnya amat sukar apatah lagi untuk membawa individu bercerita mengenai pendidikan. Namun begitu, ianya tidaklah mustahil.

Sekarang telah banyak laman sosial yang menerapkan unsur pendidikan secara tidak langsung. Contohnya seperti *Facebook*. Dengan perkongsian maklumat yang dapat dibuat dengan melampirkan sesebuah artikel, pengguna yang lain dapat membaca seterusnya menyebarkan informasi berkenaan kepada orang lain. Namun begitu, artikel yang dilampirkan perlulah mempunyai tajuk yang menarik untuk dibaca.

Trigwell et. al. (1999) dan Meade (1997) berpendapat bahawa pihak institusi patut menukar cara P&P yang memusatkan pendidik kepada memusatkan pelajar. Oleh itu,

okaedah pembelajaran secara kendiri dengan menggunakan laman sosial perlu dilaksanakan untuk mengaktifkan suasana pembelajaran dan meningkatkan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Pendekatan ini diharapkan dapat dijadikan alternatif dalam pembelajaran iaitu dengan memuat naik isu, tajuk dan sub tajuk dalam bentuk artikel pendek dan dipaparkan dalam laman sosial berulang-kali.

Dalam kaedah ini, penggunaan laman sosial dimanipulasi selari dengan minat generasi yang suka meneroka persekitaran yang baru. Persekitaran yang baru akan menyebabkan pelajar memberi tumpuan kepada kaedah penggunaan dan penerokaan (Wlodkowski, 1997) seterusnya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih seronok dan mencabar. Penggunaan laman sosial yang sedang berkembang pesat ini perlu dimanfaatkan penggunaannya bagi memperoleh kejayaan dari pelbagai aspek.





1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Sasaran utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan laman sosial terhadap kaedah pembelajaran kendiri dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UPSI. Objektif-objektif kajian bagi melengkapkan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1.4.1 Mengenal pasti laman sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar UPSI.

1.4.1.1 Mengenal pasti laman sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar UPSI mengikut peringkat pengajian.

1.4.1.2 Mengenal pasti laman sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar UPSI mengikut bidang pengajian.



kendiri dalam kalangan pelajar UPSI.

1.4.2.1 Mengenal pasti penggunaan laman sosial sebagai medium pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar UPSI mengikut peringkat pengajian.

1.4.2.2 Mengenal pasti penggunaan laman sosial sebagai medium pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar UPSI mengikut bidang pengajian.

1.4.3 Mengkaji kesan penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P.

1.4.3.1 Mengkaji kesan penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P mengikut peringkat pengajian.





1.4.3.2 Mengkaji kesan penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P mengikut bidang pengajian.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif-objektif kajian di atas, soalan-soalan kajian berikut dibentuk:

1.5.1 Apakah laman sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar UPSI?

1.5.1.1 Apakah laman sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar



1.5.1.2 Apakah laman sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar

UPSI mengikut peringkat pengajian?

1.5.2 Adakah laman sosial dijadikan sebagai medium pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar UPSI?

1.5.2.1 Adakah laman sosial dijadikan sebagai medium pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar UPSI mengikut peringkat pengajian?

1.5.2.2 Adakah laman sosial dijadikan sebagai medium pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar UPSI mengikut bidang pengajian?

1.5.3 Apakah kesan penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P?





1.5.3.1 Apakah kesan penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P mengikut peringkat pengajian?

1.5.3.2 Apakah kesan penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam P&P mengikut bidang pengajian?

1.6 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan setelah mendapati kurangnya kajian yang dijalankan terhadap penggunaan laman sosial ke atas pembelajaran kendiri dalam pengajaran dan

pembelajaran khususnya di UPSI. Selaras dengan era teknologi yang semakin berkembang maju ini, kajian ini amat bersesuaian untuk dijalankan. Tambahan pula, pihak kerajaan dan pengkaji teori terdahulu turut menyatakan bahawa sistem pendidikan terutamanya di Malaysia perlu beralih corak daripada berpusatkan pendidik kepada berpusatkan pelajar.

Penggunaan alatan rangkaian sosial menyokong pembentukan pelajar kreatif dan kolektif. Pemikiran kreatif yang maju ke hadapan selalunya merupakan hasil daripada pengetahuan yang kolektif yang terbentuk melalui perkongsian idea dan pengetahuan antara individu-individu secara bebas bagi mendapatkan keputusan yang terbaik. Pengetahuan yang dikongsi secara kolektif ini terus berkembang dan berubah hasil pertanyaan dan penambahbaikan berterusan bersama-sama para penyumbangnya.





Kreativiti, pemikiran aras tinggi dan pembinaan pengetahuan boleh digalakkan menerusi aplikasi, produksi dan penerbitan yang direka bentuk dengan baik (Nelson et. al, 2009).

Pembelajaran menjadi lebih bermakna apabila pelajar mencipta dan membina pengetahuan mereka sendiri. Menurut Batchelder (2010), aktiviti-aktiviti dalam rangkaian sosial menyediakan pelajar dengan proses aktif yang memberi makna signifikan kepada mereka. Pelajar dimotivasikan secara semulajadi melalui amalan pedagogi yang berkesan dan penggunaan teknologi. Internet dan alatan rangkaian sosial mampu memberi peluang kepada pelajar untuk mencari maklumat, mengumpul bahan mereka sendiri, berkomunikasi, membina makna, dan menilai hasil akhir. Pelajar dengan amalan pembelajaran terarah kendiri akan mewujudkan suasana pembelajaran aktif.



Selain itu, pelajar juga boleh berhubung atau berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka dari kelas dan institusi lain serta berkongsi pendapat dan idea dengan mereka yang menggunakan laman sosial yang sama. Penggunaan teknologi menjana minat pelajar terhadap apa jua yang disampaikan dalam kelas, lebih-lebih lagi pelajar yang mempunyai kelemahan dalam aspek pengajaran yang tertentu. (Muhammad Haron et.al 2010). Dengan bantuan peralatan teknologi, pengajar dapat memastikan kualiti setiap penerangan dan maklumat yang disampaikan. Teknologi maklumat menjadikan pengajaran lebih menarik.





1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai skop dan batasan yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian rintis dan kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan bagi membolehkan penyelidik menyemak semula sama ada item soalan yang digunakan dalam soal selidik boleh digunakan atau dibuang sebelum menjalankan kajian sebenar. Ini bertujuan bagi membolehkan objektif kajian yang telah ditetapkan dapat dicapai.


Kajian rintis dijalankan kepada 36 orang pelajar yang dipilih secara rawak daripada 9 buah bidang pengajian yang ditawarkan di UPSI. Manakala kajian sebenar



dijalankan terhadap 270 orang pelajar yang telah dipilih secara rawak daripada 9 buah bidang yang ditawarkan di UPSI. Setiap bidang mempunyai 30 orang responden. Kajian ini melibatkan pelajar dari semua peringkat pengajian iaitu diploma, ijazah sarjana muda, ijazah dan doktor falsafah yang telah dipilih secara rawak.



1.8 KERANGKA KAJIAN



Rajah 1.3 : Kerangka Kajian

Berdasarkan rajah 1.3, kerangka kajian ini mengandungi 3 elemen utama iaitu pelajar UPSI, laman sosial dan P&P. Pelajar UPSI yang berbeza bidang pengajian dan peringkat pengajian akan menggunakan laman sosial yang pelbagai. Penggunaan laman sosial ini akan dikaji dari aspek tujuan penggunaan dan kesan penggunaan mereka. Penggunaan laman sosial ini akan mempengaruhi proses P&P yang berlangsung sama ada membantu atau tidak.



1.9 DEFINISI OPERASIONAL

1.9.1 Laman Sosial

Laman sosial ialah alat untuk berkongsi dan berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia di alam maya. Laman sosial adalah sejenis media yang digunakan terus secara talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial, wiki, forum dan dunia virtual. Blog, rangkaian sosial dan wiki merupakan bentuk media sosial yang paling umum digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia. Bagi kajian ini, laman sosial didefinisikan sebagai satu platform yang digunakan untuk pembelajaran kendiri bagi memantapkan lagi proses P&P.



Penggunaan laman sosial sebagai platform akan diukur berdasarkan objektif kajian.



1.9.2 Pembelajaran Kendiri

Pembelajaran kendiri adalah pendekatan yang memberi akses kepada sumber pembelajaran dan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara berdikari. Pembelajaran kendiri membolehkan pelajar belajar mengikut minat, keperluan, tahap kemampuan dan gaya pembelajaran mereka. Pelajar juga mendapat maklum balas tentang pencapaian dan kemajuan mereka melalui pembelajaran kendiri. Bagi kajian ini, pembelajaran kendiri didefinisikan sebagai pembelajaran berasaskan silibus yang ada





dalam bidang mereka. Pelajar menjadikan silibus ini sebagai bahan untuk mencari maklumat dan belajar menggunakan laman sosial yang wujud.

1.9.3 Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)

Pengajaran dan pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku terhadap pelajar yang diukur bagi menentukan kejayaan sesebuah P&P ini. Bagi kajian ini, proses P&P didefinisikan sebagai suatu proses pelajar mencari maklumat berdasarkan silibus atau pengetahuan sedia ada melalui laman sosial.



1.10 KESIMPULAN

Bab ini telah menceritakan dengan terperinci peneganan kepada kajian yang bakal dilakukan. Perincian ini termasuklah latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, signifikan kajian dan sebagainya. Bab seterusnya akan mengaitkan sorotan kajian lampau dengan kajian yang bakal dijalankan.

